

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, August 21, 2017 3:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Pegawai Cemerlang Diiktiraf – Tingkat Kecekapan Dan Profesionalisme



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



21 OGOS 2017 / 28 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PEGAWAI CEMERLANG DIKTIRAF – TINGKAT KECEKAPAN DAN PROFESIONALISME



UUM ONLINE: Hari Anugerah Pentadbir Universiti Utara Malaysia (UUM) 2017 yang berlangsung malam tadi di Dewan Angsana EDC Hotels & Resorts mengiktiraf sumbangan dan pencapaian Pegawai Tadbir dan Ikhtisas dalam pelbagai bidang yang memberi impak kepada kecemerlangan Universiti.

Dato' Prof. Dr. Rujhan Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang mewakili Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi turut berkongsi perkembangan yang berlaku di MQA.

"UUM telah diberi Swaakreditasi oleh MQA pada Mac lalu menjadikan hari ini 19 IPT yang mendapat perakuan swaakreditasi dengan memenuhi kriteria ditetapkan, tahniah kepada UUM.

"Benar, MQA dalam proses membuat penilaian untuk memberi UUM status sebagai Pusat Penilaian Apel (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) untuk membolehkan mereka yang mempunyai pengalaman kerja, kemasyarakatan, seni dan sukan memasuki universiti tanpa kelayakan akademik," jelasnya dalam program Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERPATI).

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, universiti boleh pincang jika tidak mendapat bantuan dan sokongan padu pentadbir yang menjalankan tugas dengan cekap.

"Saya percaya majlis yang diadakan buat pertama kali ini setelah 30 tahun bukan setakat penghargaan tetapi untuk mengingatkan betapa pentingnya peranan mereka kepada universiti.

"Lebih-lebih lagi kita mengalami perubahan pesat, *Fourth Industrial Revolution* (4IR), berdepan generasi baru yang tahu segala-galanya harus pantas, keadaan universiti yang sudah berubah, bajet dikurangkan jadi kita harus menjadi cekap dan profesional sesuai dengan zaman," serunya.

Justeru tambahnya, peranan Perpati sangat penting bukan setakat menjaga kebajikan ahli malah berganding bahu dengan pihak pengurusan selain meningkatkan lagi tahap profesionalisme.

"Kita mahu anggota pentadbir menjalankan tugas dengan cepat, bersedia dengan perubahan, tidak menanguh masa kerana setiap kelewatan yang berlaku sudah pasti menambah kos, masa dan tenaga," tambahnya.

Pada majlis itu, Anugerah Kepimpinan Perdana dirangkul oleh Ahmad Rasidi Abdullah, Anugerah Khas Juri oleh Huzaidy Hussain dan Mohd Fairus Abd Majid, Anugerah Penyelidikan disandang oleh Muhamed Nor Azman Nordin dan Anugerah Penulisan oleh Roslee Mardan.

Manakala Anugerah Kreativiti dan Inovasi oleh Kumpulan Plexus – UUMIT, Anugerah Khidmat Komuniti oleh Kartini Dato' Tajul Urus dan Anugerah Pentadbir Cemerlang oleh Mejar Mohd Ezanee Yazid.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.